❤PENANG

PENANG 2030

16- 31 OGOS, 2025

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-68




**ILUSTRASI** ***Penang Durian Valley @Relau*** **yang bakal dibangunkan di Pusat Agro Pelancongan dekat sini. *(Ihsan: NCER)***

# Lembah Silikon Pertanian

**SEDUSUN** *Technology Valley* (juga disebut *Sedusun Tech Valley*), sebuah pusat pertanian dan agropelancongan baharu yang akan menjadi hab penyelidikan dan pembangunan (R&D), pendidikan dan penjenamaan durian-durian tempatan bakal dikenali sebagai *Penang Durian Valley @Relau*.

Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** berkata demikian ketika dihubungi wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama **NUR ASHIKIN ISMAIL** baru-baru ini.

Menurut Fahmi, apabila siap kelak, *Penang Durian Valley @Relau* ini akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pengoperasian.

"Buat masa ini, proses penyediaan



**FAHMI Zainol.**

di tapak projek telah bermula termasuk kerja-kerja pembersihan, baik pulih bangunan sedia ada, perobohan struktur sementara dan pemuliharaan pokok-pokok.

"Projek ini berjalan mengikut jadual dan alhamdulillah setakat ini tiada sebarang halangan yang dilihat akan merencatkan projek ini untuk disiapkan.

"Indikator utama kejayaan projek ini pastinya akan dapat menjana keuntungan lebih kepada Kerajaan Negeri bukan sahaja dari segi agropelancongan tetapi juga dalam aspek pelaburan teknologi pertanian moden.

"Sebagai makluman, Kerajaan Negeri bukan sahaja bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) tetapi turut menjalinkan usahasama dengan Penang Agrotech Sdn. Bhd. untuk meneroka model perniagaan bagi beberapa komponen *Penang Durian Valley @Relau* ini," ujarnya.

Dalam mengadaptasi elemen kelestarian, Fahmi memaklumkan bahawa pihak Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi dan kementerian berkaitan.

"Ini adalah bagi menerapkan penggunaan teknologi canggih dan terkini dalam pengoperasian *Penang Durian Valley @Relau* yang memfokuskan pertanian pintar bagi meningkatkan hasil secara optimum.

"Malah, mereka (NCER) juga bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang bagi menyaring kriteria pihak-pihak yang ingin menjalankan aktiviti di kawasan berkenaan kelak," jelasnya lanjut.

*(Sambungan di muka 2).*

(Sambungan dari muka 1).

# Perkasa sektor pertanian

Sebelum ini, ketika hadir menyempurnakan Pesta Durian Pulau Pinang Tahun 2025 pada 28 Jun lalu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memaklumkan bahawa pusat pertanian terbabit mampu mengembangkan lagi industri pengeluaran durian di negeri ini.

Menurut beliau, pusat terbabit juga bakal menjadi hab pengumpulan data bagi semua varian durian yang ada di Malaysia dan menjadi satu-satunya negeri di negara ini yang memfokuskan penyelidikan, pembangunan dan pendidikan berkaitan durian.

Dalam pada itu, Pengarah Pertanian Negeri, **MOHD. MUHAIMIN IBRAHIM** juga memaklumkan bahawa kerja-kerja pembangunan projek *Penang Durian Valley @Relau* kini sedang giat dilaksanakan dengan kerjasama erat daripada pelbagai pihak termasuk NCER.

"Ini termasuk menjadikan *Penang Durian Valley @Relau* sebagai *'arboretum'* untuk tanaman durian yang pertama di Malaysia.

"Maka, bagi mengekalkan elemen *'green lung'* untuk kawasan ini dan persekitarannya, sebanyak 65 jenis klon durian berdaftar ditanam di sini," katanya ketika dihubungi Buletin Mutiara baru-baru ini.

Ketua Eksekutif NCIA, **MOHAMAD HARIS KADER SULTAN** dalam Seminar Pelaburan Sektor Agromakanan pada 30 Oktober 2023 menyatakan bahawa sektor pertanian merupakan antara fokus utama dalam perancangan NCIA dengan bermatlamat untuk meningkatkan daya saing, produktiviti dan adaptasi teknologi terkini.



MOHD. Muhaimin Ibrahim.

"Langkah ini secara tidak langsung menyumbang pada agenda keterjaminan makanan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara yang bertujuan memacu kecekapan industri pertanian," jelasnya.

Projek *Penang Durian Valley @Relau* merupakan salah satu projek strategik yang dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2027 dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan RM50 juta sebagai mengiktiraf komitmen serta inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperkasa sektor pertanian berasaskan durian di negeri ini.

Projek ini juga bakal menjadikan Pulau Pinang sebagai 'Lembah Silikon Pertanian' yang memfokuskan kepada industri pertanian pintar atau *'smart farming'* dan pertanian mampan dalam meningkatkan hasil pertanian secara optimum berbanding kaedah tradisional.



ILUSTRASI pintu hadapan *Penang Durian Valley* yang unik dan menarik. *(Ihsan:* NCER)




SEBUAH dewan serba guna yang bakal dibangunkan di sini berdasarkan ilustrasi artistik. *(Ihsan: NCER)*



ILUSTRASI artis menunjukkan pandangan aerial *Penang Durian Valley @Relau. (Ihsan: NCER)*



PEMANDANGAN pintu gerbang berdasarkan ilustrasi artistik. *(Ihsan: NCER)*

# Anugerah khas perkukuh semangat kesaksamaan




LOO Pin Xie bersama-sama ibunya, Ng Kwi Chuan.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**BUAT** julung kalinya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan Anugerah Kecemerlangan Sukan Orang Pekak, sebagai pengiktirafan khas kepada atlet dan individu dalam komuniti sukan orang pekak negeri ini.

Anugerah tersebut merupakan satu daripada 12 kategori utama yang disampaikan dalam majlis penyampaian insentif sukan negeri tahun ini, sekali gus menandakan penambahan kategori baharu dalam acara berprestij tersebut.

Mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Daniel Gooi Zi Sen yang juga Exco Belia, Sukan dan Kesihatan memberitahu bahawa dengan pengenalan anugerah itu, ia menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri kedua memberi penghargaan secara khusus kepada komuniti sukan orang pekak, selepas Wilayah Persekutuan yang mula melaksanakannya pada tahun lalu.

"Langkah ini dilihat sebagai satu usaha inklusif bagi mengiktiraf sumbangan dan pencapaian golongan orang pekak dalam bidang sukan, serta memperkukuh semangat kesaksamaan dan kepelbagaian dalam pembangunan sukan negeri," jelasnya semasa berucap pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang di sini pada 5 Julai 2025.

Beliau berharap dengan penganjuran penganugerahan tersebut, lebih banyak pingat dapat diraih pada masa hadapan.

"Kerajaan Negeri turut komited dalam memperkasa sukan pada peringkat akar umbi dengan memberi tumpuan pada pembangunan bakat baharu sejak di bangku sekolah.

"Usaha ini penting agar kita dapat melahirkan barisan pelapis atlet yang bukan sahaja berbakat, malah berdisiplin dan mempunyai asas yang kukuh dalam bidang sukan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Difahamkan, pada Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-21 di Sarawak pada tahun 2024, menyaksikan Pulau Pinang telah berjaya meraih 41 pingat emas, pingat perak (45) dan pingat gangsa (53), sekali gus memperoleh tempat ke-4 keseluruhan.

> "Kerajaan Negeri komited memperkasa pembangunan bakat baharu sukan sejak di bangku sekolah agar dapat melahirkan barisan atlet pelapis yang bukan sahaja berbakat, malah berdisiplin."
>
> **- DANIEL Gooi Zi Sen.**

Pencapaian tersebut menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 39 peratus berbanding SUKMA Ke-20 pada tahun 2022, yang mana Pulau Pinang berada di tempat ke-7 keseluruhan.

Turut berucap, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua.

Terdahulu, **LOO PIN XIE**, 20, merupakan antara penerima Anugerah Kecemerlangan Sukan Negeri Pulau Pinang untuk Kategori Sukan Orang Pekak atas pencapaiannya sebagai atlet muda yang cemerlang pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada Jun 2020, beliau memenangi acara *FIDE Online Junior U20 Cup* (Kategori OKU); pingat perak Kejohanan Catur Para Junior Asia (Kategori OKU) selepas menewaskan 34 peserta (Ogos 2021); juara Kategori Terbuka *Lions International Chess Championship 2021*, mencatat tujuh kemenangan tanpa kalah (Oktober 2021).

Pin Xie yang ditemui kemudian menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan MSNPP kerana mengiktiraf dengan perkenalkan Anugerah Kecemerlangan Sukan Orang Pekak.

"Saya sangat bangga kerana dipilih menerima anugerah ini, ia merupakan suatu pengalaman yang istimewa juga dalam hidup saya dan keluarga.

"Pencapaian hari ini adalah selepas saya menempuhi perjalanan dan beberapa kejohanan sejak enam tahun lepas," ulasnya yang ditemani ibu, Ng Kwi Chuan, 54.

Menurut Pin Xie, beliau berharap dapat melanjutkan pengajian tinggi di United Kingdom pada September ini, jika permohonan biasiswa berjaya kelak.



DANIEL Gooi Zi Sen (dua dari kanan) menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Sukan Orang Pekak 2023/2024 kepada Loo Pin Xie (tengah) pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

# Penemuan terbaharu tambah nilai *Fort Cornwallis*

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**



KETUA Menteri bersama-sama Wong Hon Wai (berdiri, tiga dari kanan) dan S. Bharathi (berdiri, dua dari kanan) meninjau kawasan penemuan landasan troli di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Bahagian landasan troli berukuran kira-kira 7.4 meter (m) yang ditemui tertanam di bawah permukaan jalan berdekatan Jalan Tun Syed Sheh Barakbah, bersebelahan dengan salah satu kubu bersejarah dekat *Fort Cornwallis* akan dipamerkan pada pameran awam terbuka.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pendekatan tersebut diputuskan Jabatan Warisan Negara (JWN) hasil usahasama pihak Kerajaan Negeri yang diwakili Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) dan *Aga Khan Trust for Culture* (AKTC).

“Beberapa pilihan juga sedang dibincang oleh pasukan projek, pakar pemuliharaan dan perunding landskap termasuk mengekalkan landasan tersebut di tempat asalnya dan disertakan dengan papan penerangan serta landskap.

"Umumnya, pemeliharaan landasan troli yang ditemui pada 26 Jun lalu adalah berpotensi memberi pengunjung gambaran nyata tentang peranan strategik pulau ini semasa Perang Dunia Kedua dan menyumbang kepada usaha lebih luas untuk mengetengahkan kubu tersebut sebagai tapak bersejarah serta potensinya dalam menambah nilai kepada tafsiran awam terhadap *Fort Cornwallis* dan kawasan pesisir utara,’’ jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi pada sesi lawatan khas di sini pada 9 Julai lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai; Pengurus Besar CMI, Datin S. Bharathi; Penasihat GTCDC dan AKTC, Francesco Siravo serta Pengerusi Persatuan Peniaga-peniaga Astaka Kota Selera, Dato' Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa walaupun reka bentuk terperinci masih belum dimuktamad dan disahkan, usaha untuk mengintegrasikan unsur sejarah terhadap pembangunan berterusan kawasan pesisir utara kini giat dijalankan dengan sokongan JWN.

“Penemuan signifikan tersebut dipercayai wujud sekitar 1895, dan sistemnya dipercayai telah dibina sebelum zaman pendudukan Jepun pada tahun 1941–1945. Walau bagaimanapun, ia digunakan secara intensif semasa perang untuk mengangkut peluru, bekalan makanan dan bahan api dari kapal ke gudang tentera termasuk yang berada dalam kubu *Fort Cornwallis*.

"Justeru, buat masa sekarang, bahagian landasan yang terdedah sedang didokumentasikan dan dilindungi dengan teliti bagi mengetahui asal usul landasan troli berkenaan.

"Maka, dalam beberapa minggu akan datang, pasukan projek akan memuktamadkan cadangan yang mengimbangkan pemeliharaan, keselamatan awam dan visi tafsiran jangka panjang kubu ini," ujarnya lanjut.

ECO SUN
AUREA ECO SUN

## Kedai Komersial Dua Tingkat

EcoWorld mempersembahkan 96 unit kedai komersial di Eco Sun – sebuah pembangunan pegangan bebas seluas 11.64 ekar dengan geran individu, terletak di bandar satelit yang pesat membangun, Batu Kawan, Pulau Pinang.

Harga selepas diskaun Bumiputera

Harga Minima : RM2,201,150.00 | Harga Maksima : RM4,215,150.00

Unit Bumiputra kini dibuka untuk jualan dengan diskaun 5%.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi : 04 227 2255




Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuh Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | Hakmilik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Jumlah Unit: 96 | Keluasan Binaan: Minimum: 2,860 kaki persegi, Maksimum: 5,200 kaki persegi. Harga Minimum: RM 2,201,150.00, Harga Maksimum: RM4,215,150.00 | Sekatan-Sekatan Kepentingan: Tidak | Diskaun Bumiputera: 5%. | Kesemua ilustrasi hanya tanggapan artis sahaja. Pihak pemaju berhak mengubah suai mana-mana bahagian bangunan, pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diperlukan oleh perunding pemaju dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Sementara semua langkah yang wajar telah diambil dalam menyediakan informasi ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa variasi atau ketidaktelitian.

A JOINT DEVELOPMENT BY
ECOWORLD CREATING TOMORROW & BEYOND
KWSP EPF

# Kecekapan dan kesiapsiagaan



PASPA mengusung 'mangsa' keluar dari kawasan bencana.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBAHAGIAN** laluan di sekitar Kuarters Institut Pendidikan (KIP) Seri Serdang dekat sini ditutup kepada semua kenderaan awam bermula jam 9 pagi.

Kedengaran siren kenderaan agensi penyelamat seperti trak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), kereta serta motosikal unit peronda Polis Diraja Malaysia (PDRM) silih berganti, menandakan satu insiden sedang berlaku di kawasan terbabit.

Seramai 40 pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang ditemani lima jurutera daerah telah memasuki kuarters terbiar dan tidak didiami itu untuk menguji serta menilai tahap kestabilan struktur bangunan.

Secara tiba-tiba, struktur dinding bangunan empat tingkat itu runtuh akibat mendapan tanah, menyebab semua mangsa terperangkap di dalam bangunan sekali gus menimbulkan suasana panik dan huru-hara.

Beberapa minit kemudian, sepasukan anggota polis dan bomba dari kawasan Kepala Batas, daerah Seberang Perai Utara (SPU) tiba ke tempat kejadian untuk menyelamat dan menyiasat keadaan di lokasi kejadian.

Insiden tersebut diklasifikasikan sebagai bencana tahap satu dan memerlukan lebih banyak kepakaran daripada beberapa pasukan penyelamat termasuk Pasukan Khas Pertahanan Awam (PASPA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), pasukan anjing mencari dan menyelamat (K9), Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM) serta Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART).



SALAH seorang 'mangsa' yang cedera sedang mendapatkan rawatan lanjut.

Selepas kira-kira 3 jam, seramai 42 mangsa yang terperangkap berjaya dikeluarkan dan diberikan pertolongan cemas sebelum dihantar ke Hospital Kepala Batas untuk rawatan lanjut. Manakala, tiga lagi mangsa ditemui telah meninggal dunia di tempat kejadian.

Ternyata semua itu hanyalah latihan simulasi bencana membabitkan keruntuhan bangunan, binaan dan struktur khas anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Muhamad Ghopran Yeop Hamzah memberitahu bahawa lebih 200 anggota daripada pelbagai unit penyelamat telah digerakkan dalam operasi tersebut.

Beliau berkata, latihan simulasi bencana yang dijalankan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) itu bertujuan menyelaras pelbagai unit agensi kerajaan supaya kerja-kerja menyelamat dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur sekiranya berlaku sebarang bencana.

"Hal ini supaya semua agensi penyelamat sentiasa bersiap siaga dan dapat bertindak dengan pantas termasuk menyelaraskan arahan serta tindakan jika berlaku sebarang bencana," katanya ketika merasmikan majlis penutup Latihan Simulasi Bencana Keruntuhan Bangunan, Binaan & Struktur Khas Negeri Pulau Pinang (Ex-Cobra) Tahun 2025 Di KIP Seri Serdang di sini pada 8 Julai lalu.

Ketua Pengarah NADMA, Datuk Abdul Halim Hamzah; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long dan Ahli Parlimen Kepala Batas, Dr. Mastura Mohammad antara yang hadir menyaksikan simulasi latihan bencana berkaitan.

Sementara itu, Pegawai Daerah SPU, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri berkata bahawa latihan simulasi bencana tersebut telah mencapai objektifnya.

"Hubungan baik serta keserasian dalam penyampaian maklumat antara dua pusat kawalan iaitu Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) menunjukkan peranan, saluran komunikasi dan berita pantas yang berkesan.

"Maklumat yang sentiasa dikemas kini sangat membantu dalam pelaksanaan tugas menyelamat," katanya kepada pemberita selepas tamat latihan simulasi.

Turut hadir pada sidang media tersebut ialah Ketua Polis Daerah SPU, Asisten Komisioner Anuar Abdul Rahman dan Rosli Zakaria, Ketua Zon 4 dari JBPM.



PELAJAR IKBN yang terperangkap berjaya diselamatkan.



SEBAHAGIAN pasukan penyelamat yang mengambil bahagian bersorak tanda tamat dengan jayanya Ex-Cobra tahun ini.

# Pertahan emas kumite




**MUHAMMAD Arif Afifuddin Ab Malik.**

"**KESABARAN** adalah kunci", ikrar tersebut menjadi pegangan atlet karate kumite kebangsaan, **MUHAMMAD ARIF AFIFUDDIN AB MALIK** yang sudah lama berkecimpung dalam sukan tersebut.

Menurut atlet berusia 26 tahun itu, beliau terlibat dalam sukan karate disebabkan oleh bapanya, Ab Malik Abdullah yang selalu menggemari sukan karate.

"Ayah saya akan menghantar abang-abang dan kakak-kakak saya ke latihan dan seterusnya menyertai pertandingan yang mana kesemuanya berjaya serta mempunyai potensi ke peringkat lebih tinggi.

"Dari situ, saya mula menunjukkan minat dan mengikut jejak langkah mereka dan alhamdulillah, berkat kesabaran akhirnya benar-benar berbaloi kini," ujarnya ketika dihubungi wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** pada 15 Julai lalu.

Anak kelima dari enam adik-beradik itu merupakan pemenang pingat emas dalam acara 84 kilogram (kg) kumite pada Sukan Asia 2022 di Hangzhou, China selepas menewaskan pemenang tempat ketiga dari Kazakhstan.

Apabila diajukan soalan mengenai pengalaman dan perjalanan karier sukan, Muhammad Arif Afifuddin menceritakan bahawa banyak liku yang dilaluinya.

"Terutama sekali, apabila ditimpa kecederaan sebelum kejohanan besar, namun berkat kesabaran akhirnya saya berjaya memperoleh pingat emas pada kejohanan Sukan Asia di China.

"Ayah saya selalu berpesan supaya sentiasa bersabar serta percaya bahawa kesusahan dan kekalahan yang saya lalui pasti akan ada manis di hujungnya.

"(Dan) kini saya masih dalam proses rehabilitasi akibat kecederaan *anterior cruciate ligament* (ACL), dan saya yakin akan pulih dan kembali beraksi dalam tempoh enam bulan akan datang.

"Pastinya, saya ingin pertahankan pingat emas acara kumite pada aksi di Sukan Asia 2026 yang bakal diadakan di Aichi-Nagoya, Jepun," jelasnya.

Muhammad Arif Afifuddin mengalami kecederaan pada kejohanan *K1 Series A Championship* di Salzburg, Austria selepas dijatuhkan pada pusingan pertama, awal tahun ini dan telah menjalani pembedahan baru-baru ini.

"Jadi, fokus saya sekarang lebih terarah pada proses pemulihan yang mana saya menerima rawatan secara fisioterapi dan rehabilitasi," katanya.

Dinobatkan sebagai Olahragawan Negeri Pulau Pinang 2023/2024 baru-baru ini, Muhammad Arif Afifuddin bukan sahaja membawa pulang trofi tetapi juga wang tunai sebanyak RM4,000.

Pada November 2023, beliau turut menerima Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada majlis yang diadakan di Komtar.

*(Sambungan di muka 7).*





(1033095-K)
勇存房地產有限公司
YON CUN Realty Sdn. Bhd.

No. lesen pemaju: 30593/10-2028/0268(N) • Tempoh sah: 24/10/2023 - 23/10/2028 • No. permit Iklan & Jualan: 30593-1/03-2026/0255(N)-(L) • Tempoh sah: 22/03/2024 - 21/03/2026 • Pihak berkuasa yang meluluskan: Majlis Bandaraya Seberang Perai • No. pelan bangunan: MPSP/40/20-06/136 • No. pelan susunatur: MPSP/70/39-6/113 • Jenis rumah: Rumah Teres 2-Tingkat • Tarikh dijangka siap: Mac 2026 Bebanan tanah: Public Bank Berhad • Hakmilik tanah: Hakmilik Kekal • Jumlah unit: 21 unit
• Kesemua ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja. Pihak pemaju berhak mengubahsuai mana-mana bahagian pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diperlukan oleh perunding pemaju dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Sementara semua langkah yang wajar telah diambil dalam menyediakan informasi ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas apa-apa variasi atau ketidaktelitian.

(Sambungan dari muka 6).

# anugerah pembakar semangat




**KEJAYAAN membawa pulang pingat emas Sukan Asia di China disambut ahli keluarga.**



**AKSI Muhammad Arif Afifuddin Ab Malik (kanan) ketika menentang lawannya.**

Ditanya mengenai perasaan, Muhammad Arif Afifuddin meluahkan rasa syukur dan berbangga dengan pencapaiannya setakat ini.

“Tidak pernah terlintas pun saya akan menerima anugerah (Olahragawan Negeri) ini kerana sebelum ini nama saya pernah tercalon namun tuah tidak menyebelahi saya.

“Syukur sangat dan ini (anugerah) adalah penghargaan buat keluarga, terutama ayah saya dan semua yang memberi kepercayaan serta sokongan tidak berbelah-bahagi selama ini.

“Saya akan jadikan anugerah ini sebagai pembakar semangat untuk saya bangkit dan kembali beraksi lebih kuat serta cemerlang di pentas antarabangsa sekali gus mengharumkan nama negara dan juga Pulau Pinang,” katanya.

Beliau yang berhasrat menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang perniagaan atau sains sukan pada masa hadapan turut pernah mencipta sejarah selepas menewaskan pemenang tempat ketiga dari Kazakhstan di China.




# Nenek Durian Farm

## hasil Duri Hitam terbaik



BUAH Duri Hitam yang dihasilkan.




**KHOR Chun Nee sejurus diumumkan sebagai pemilik Duri Hitam terbaik pada Pesta Durian Pulau Pinang 2025 baru-baru ini.**

**SEKIRANYA** ingin mencari durian jenis Duri Hitam terbaik selepas ini, pengunjung boleh cuba berkunjung ke dusun *Nenek Durian Farm* dekat Bukit Langkap, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah (SPT).

Ini adalah ekoran Duri Hitam yang dihasilkan di sini telah memenangi Pertandingan Durian Terbaik 2025 sempena Pesta Durian Pulau Pinang 2025 minggu lalu.

Atas kemenangan tersebut, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** mendekati pemilik dusun, **KHOR CHUN NEE** bagi mengetahui rahsia di sebalik kemenangan tersebut baru-baru ini.

Secara amnya, Chun Nee secara berseloroh menyatakan bahawa tiada apa rahsia yang hebat mengenai penghasilan buah tersebut.

"Mungkin sebab saya gunakan baja organik, baja kompos… jadi buah itu lebih enak serta memenuhi kriteria untuk sebiji Duri Hitam.

"Penggunaan baja ini turut menjadikan aroma Duri Hitam lebih wangi yang mana ia menjadi salah satu kriteria utama.

"Baja ini dicipta sendiri oleh abang saya, dia merupakan 'arkitek' untuk pokok-pokok dan hasil, manakala saya pula lebih kepada pengurusan," ujarnya memulakan bicara.

Sebelum ini, Chun Nee pernah mendapat tempat kedua dalam pertandingan sama pada tahun 2022 melalui buah durian jenis Udang Merah dan kampung (tempat kedua, tahun 2023).

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa dirinya terlibat dalam penanaman durian sejak tahun 2017 secara separuh masa, dan dianggarkan terdapat kira-kira 70 batang pokok durian daripada pelbagai jenis di dusun miliknya kini.

"Disebabkan minat yang mendalam terhadap durian, saya tekad untuk mengusahakan tanaman ini dengan bersungguh-sungguh sambil dibantu oleh ahli keluarga.

"Selain daripada buah-buah yang terkenal, saya juga menjalankan eksperimen 'kahwinkan' durian di sini, malah, faktor cuaca turut menjadi cabaran seperti menjadikan isi durian Duri Hitam menjadi sedikit tawar sekiranya cuaca terlalu panas.

"Saya berani cakap, ada buah dari kebun saya yang lebih sedap daripada jenis-jenis yang ada di pasaran sekarang, cuma syarat untuk daftar sebagai hak milik adalah lima pokok.

"Tanah tidak cukup, mungkin saya terpaksa pindahkan ke dusun di Kedah untuk projek lanjut sebelum didaftarkan," jelas anak kelahiran Bukit Mertajam itu lagi.

Berdepan cabaran binatang yang boleh merosakkan hasil tanamam, Chun Nee berkata bahawa beliau menghasilkan inovasi sensor bagi menghalau kehadiran haiwan-haiwan tersebut.

"Sensor itu akan mengesan kehadiran haiwan perosak terbabit dengan menghasilkan bunyi kuat bagi menghalau mereka.

"Hasilnya, buah saya tidak langsung diganggu tupai atau monyet, ini bagi memastikan saya dapat memungut hasil yang maksimum," ulasnya sambil berkongsi ilmu penjagaan pokok durian.

Menyentuh mengenai harapan, Chun Nee berharap dapat membesarkan lagi dusun duriannya di Yan, Kedah dan juga terus memajukan lagi perniagaan sedia ada kini.



**KEADAAN dusun yang bersih, kemas dan tersusun menyumbang kepada kualiti buah yang baik.**



# Gabungan tradisi dan inovasi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS & DARWINA MOHD. DAUD**

**PENAGA -** Lebih 5,000 pengunjung memeriahkan penganjuran Festival Penang2030 dan Hari Warisan Seberang Perai 2025 yang berlangsung di Kampung Agong dekat sini.

Festival yang memasuki tahun kedua tersebut dianjurkan dengan kerjasama Unit Penang2030 Pejabat Ketua Menteri, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), *Tech Dome Penang* (TDP) dan *Penang Green Council* (PGC).

Pelbagai aktiviti menarik penuh tradisi serta berwarna-warni mengisi perjalanan festival antaranya pertandingan pakaian tradisional dan mewarna kanak-kanak, persembahan kebudayaan, pertandingan sukan rakyat, bengkel seperti STEM (Sains, Teknologi, Kejuteraan dan Matematik), *Makerspace*, kraf warisan, silat dan wayang kulit, mencanting batik serta penanaman 50 batang pokok pinang yang menjadi simbol warisan negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penganjuran festival tersebut adalah bertujuan membawa Visi Penang2030 ke lapangan bagi menggalakkan penyertaan rakyat, di samping menganjurkan pelbagai program pada peringkat akar umbi.

"Dalam memastikan tunjang utama yang diwacanakan tercapai, sistem pemantauan khas, *Penang2030 Dashboard* diwujudkan bagi membolehkan rakyat memantau kemajuan intipati Visi Penang2030 dari semasa ke semasa secara terbuka.

"Selepas tujuh tahun dilancarkan, secara keseluruhannya Visi Penang2030 kini telah mencapai 80 peratus," katanya selepas merasmikan festival berkaitan pada 12 Julai lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Ahli Dewan Rakyat; Datuk Bandar MBSP, Dato' Baderul Amin Abdul Hamid serta Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP dan MBPP.

Menyentuh mengenai penganjuran dwiacara ini, Kon Yeow berharap ia dapat mengangkat kekayaan budaya serta warisan yang menjadi aset berharga kepada negeri Pulau Pinang.

"Dalam suasana kampung penuh kehijauan dan nilai warisan tradisi, kemeriahan sambutan ini lazimnya dapat mengeratkan lagi nilai keharmonian sedia terjalin dalam kalangan rakyat pelbagai latar belakang," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri komited dalam usaha memelihara dan memulihara budaya serta warisan di negeri ini termasuk warisan tak ketara seperti bahasa dan kesenian tempatan.

"Ketika ini, Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan bangunan bersejarah termasuk Masjid Jamek Benggali, rumah kedai tradisional, monumen, tapak bersejarah Guar Kepah dan banyak lagi.

"Projek pembinaan Galeri Arkeologi Guar Kepah yang terletak di Seberang Perai Utara (SPU) contohnya, merupakan inisiatif penting Kerajaan Negeri yang mana ia akan melengkapkan peta pelancongan arkeologi wilayah utara Semenanjung.

"Projek ini telah siap dan dijangka dibuka kepada orang awam pada suku ketiga tahun ini, dan galeri ini akan menyusul selepas rangka-rangka yang disimpan di *Collection Centre Netherlands* (CCNL), Belanda dibawa balik," ulasnya lagi.

Sebelum itu, Baderul Amin menyatakan bahawa Hari Warisan Seberang Perai telah memasuki edisi ketiga penganjurannya, hasil inisiatif berterusan MBSP dalam memartabatkan warisan budaya yang menjadi identiti masyarakat majmuk Seberang Perai.

"Warisan bukan sekadar khazanah masa lalu, bahkan ia adalah jiwa dan jati diri yang perlu dipertahankan serta diturunkan kepada generasi akan datang.

"Justeru, saya menyeru agar kita dapat bersama-sama mengekalkan nilai-nilai murni, merapatkan jurang budaya dan menyemai semangat kebersamaan dalam komuniti," katanya.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan simbol 'hati' sambil bergambar kenang-kenangan di atas struktur berupa sarang burung yang menjadi salah satu tarikan utama di Kampung Agong.**



**SEPAK raga tuju merupakan antara permainan tradisional yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung.**



**DEMONSTRASI kreatif menghasilkan 'belalang' dengan menggunakan daun kelapa.**



**ACARA lari dalam guni paling mencuri tumpuan.**

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Woo Sze Zeng<br>joshuawoosz@gmail.com | (H) 016 - 417 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Wong Yuee Harng<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 299 2574<br>(F) |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 016 - 270 6808<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>ongahteong@penang.gov.my | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Tan Hooi Peng<br>n32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitamdap@gmail.com | (T) 016 - 421 9143<br>(F) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Dato' Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Bukhori Ghazali | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Mohd Sobri Salleh | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhammad Fauzi Yusoff | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Azmi Alang | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Izhar Shah Arif Shah | (T) |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Amir Hamzah Abdul Hashim | (T) |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Zulkefli Bakar | (T) |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Abidin Ismail | (T) |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Mohamad Shukor Zakariah | (T) |
| **N.40 TELOK BAHANG**<br>YB Muhamad Kasim | (T) |
| **NAMA** | **No Tel/ No Faks** |
| **PENANG CARE SOCIETY** | (Hotline)<br>(T) 04 - 291 0123 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappenang@dapmalaysia.org | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |




Tarikh peraduan: 1 Julai - 30 Sept 2025

1. Berumur 13 tahun dan ke atas.
2. Peraduan dibuka dari 1 Julai hingga 30 Sept 2025.
3. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
4. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 42 cm).
5. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
6. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
7. **Karya perlu bertemakan 'Barisan Hadapan Benteng Negara'. Diwajibkan untuk sertakan logo Penang2030 dan Buletin Mutiara dalam karya.**
8. Borang butiran peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
9. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
10. Hasil karya adalah hak milik penganjur.
11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-6505704 / 5705.
12. Alamatkan semua borang penyertaan ke:
Pertandingan Melukis Poster - 3/2025,
Tingkat 47 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.

**Nama:** ..............................

**Kad Pengenalan:** ..............................

**Alamat:** ..............................

..............................

**No. Telefon : (Rumah)** ..............................

**(Bimbit)** ..............................

**Emel:** ..............................

**(Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap).**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2025

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
